

## DASAR UNDI 18 DAN MEMBANGUN KERANGKA PENDIDIKAN PILIHAN RAYA DALAM KALANGAN PELAJAR: KAJIAN KES UNIVERSITI AWAM

Zuliana Azwa Zulkifli

Pusat Pengajian Kerajaan, Universiti Utara Malaysia,

Tel: +6013-2299825 Email: [zuliana@uum.edu.my](mailto:zuliana@uum.edu.my)

Zawiyah Mohd Zain

Pusat Pengajian Kerajaan, Universiti Utara Malaysia,

Tel: +6012-5342416 E-mail: [zmzain@uum.edu.my](mailto:zmzain@uum.edu.my)

Mokhtafizam Mokhtar

Pusat Pengajian Kerajaan, Universiti Utara Malaysia,

Tel: +6019-4813588 E-mail: [zam@uum.edu.my](mailto:zam@uum.edu.my)

### ABSTRAK

Undi18 membawa pindaan kepada Perkara 47 (Kelayakan menjadi ahli Parlimen) dan Fasal 1 Perkara 119 (Kelayakan Pemilih), mengurangkan umur mengundi dari 21 ke 18 tahun. Ini dianggap pengiktirafan penting terhadap golongan muda dan demokrasi di Malaysia. Meskipun demikian, mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi (IPT) sering berdepan dengan konflik politik akibat Akta Universiti dan Kolej (AUKU). Kajian ini menggambarkan persepsi mahasiswa terhadap PRU, dasar Undi18, dan kesedaran politik mereka menjelang PRU ke-15. Semenjak kewujudan AUKU pada tahun 1965, penglibatan pelajar dalam politik agak berkurangan, berikutan tindakan tegas pihak kerajaan terhadap mereka yang terlibat dalam politik dan menyalahi AUKU. Justeru, kajian ini akan meneroka sejauh manakah Undi18 mampu memartabatkan mahasiswa menjelang pilihan raya umum (PRU) ke-15. Data dari temu bual dan tinjauan menunjukkan pemahaman yang sederhana terhadap sistem politik Malaysia, baik persepsi terhadap Undi18, dan kecenderungan untuk membuat keputusan mengundi dengan kesedaran politik yang tinggi. Kajian ini mengidentifikasi isu-isu pendidikan politik dalam kalangan pelajar, yang penting dalam pembentukan negara.

**Kata Kunci :** Undi18, kerangka pendidikan, mahasiswa, isu-isu politik.

### 1. Pengenalan

Pilihan raya merupakan elemen penting dalam sistem demokrasi politik di Malaysia. Pada tahun 2019, undang-undang Undi 18 diperkenalkan, yang membolehkan individu berusia 18 tahun untuk mengundi dan menjadi calon dalam pilihan raya. Langkah ini membawa perubahan signifikan dalam landskap demokrasi politik negara. Namun, tahap persepsi dan kesedaran mahasiswa terhadap pilihan raya dan dasar Undi 18 masih perlu dikaji secara mendalam.

Kempen Undi 18, yang membolehkan golongan muda berusia 18 tahun untuk mengundi dan menjadi calon dalam pilihan raya, telah memperkenalkan perubahan baru dalam landskap demokrasi politik Malaysia. Usul yang dibawa pada 16 Julai 2019 oleh Syed Saddiq Syed Abdul Rahman ini membawa kepada pindaan umur mengundi dan kelayakan menjadi wakil rakyat dari 21 tahun ke 18 tahun. Usul tersebut mendapat persetujuan daripada 211 daripada 222 ahli parlimen setelah dua kali undian dilakukan. Pada Oktober 2022, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengumumkan peningkatan 28% dalam jumlah pengundi apabila 5.8 juta belia disenaraikan sebagai pengundi baharu secara automatik (BeritaRTM, 2022).

Meskipun Undi 18 mungkin kedengaran agak baru di Malaysia, hakikatnya, penerapan had umur minima pengundi kepada usia 18 tahun telah diamalkan di majoriti negara Eropah sejak era 1960-an.

Negara-negara seperti Bangladesh, Hong Kong, India, Iran, Iraq, Jepun, Pakistan, dan Korea juga telah memberi hak mengundi kepada belia mereka seawal usia 18 hingga 19 tahun.

Walaupun terdapat desas-desus yang mempersoalkan kematangan politik golongan muda berusia 18 tahun, banyak usul telah membahaskan isu ini. Terutama sekali apabila melibatkan golongan mahasiswa, isu kematangan tidak seharusnya timbul memandangkan golongan ini adalah golongan terpelajar. Menurut Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations Convention on the Rights of the Child), usia 18 tahun diiktiraf sebagai cukup dewasa untuk membuat keputusan yang melibatkan sumbangan kepada sosioekonomi masyarakat, memikul tanggungjawab kewarganegaraan, terikat di bawah kontrak perjanjian, membayar cukai, mempunyai hak untuk berkahwin, bekerja, dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap diri sendiri (MalaysiaKini, 2022). Justeru, Undi 18 merupakan langkah penting untuk memberikan peluang kepada golongan muda untuk terlibat secara aktif dalam membuat keputusan mengenai masa depan negara, iaitu melalui pengundian dan pencalonan dalam pilihan raya.

Pertama, persoalan yang perlu diajukan adalah, bagaimana persepsi mahasiswa terhadap pilihan raya umum di Malaysia? Terdapat beberapa isu yang mungkin mempengaruhi persepsi mereka, seperti rasa tidak peduli dan kekecewaan terhadap pilihan raya disebabkan oleh isu-isu tertentu. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa segerintir masyarakat mempunyai sikap yang kurang peduli terhadap pilihan raya, dan ini mungkin turut berlaku di kalangan mahasiswa. Menurut laporan Melati A. Jalil & Noel Acharim (2017) menerusi themalaysiainsight.com, terdapat segerintir masyarakat mempunyai sikap tidak peduli dan juga merasa kecewa terhadap pilihan raya disebabkan isu-isu tertentu. Tambahan lagi, Mujibu Abd Muis et.al (n.d) melaporkan isu, kontroversi dan kelemahan pentadbiran akan memburukkan lagi reputasi parti politik di mata golongan muda/belia. Oleh itu, penting untuk menilai pandangan dan sikap mahasiswa terhadap pilihan raya umum untuk memahami tahap penglibatan mereka dalam proses demokratik ini.

Selain itu, penting untuk mengkaji persepsi mahasiswa terhadap dasar Undi 18 yang diperkenalkan. Sebagai generasi muda yang terdedah kepada media sosial dan memiliki akses kepada pelbagai pendapat serta pandangan, mahasiswa dapat memperoleh maklumat yang luas mengenai Undi 18. Bagaimanakah mahasiswa menerima dasar ini? Adakah mereka bersedia dan cukup matang untuk membuat keputusan penting seperti memilih barisan kepimpinan negara? Kajian ini akan meneliti sejauh mana mahasiswa memahami dan menyokong dasar Undi 18, serta menilai kesiapan mereka dalam mengambil bahagian dalam proses politik negara.

Selanjutnya, kesedaran mahasiswa terhadap isu-isu politik semasa juga perlu diberi perhatian. Semenjak wabak pandemik Covid-19, mahasiswa turut terkesan oleh impak sosial, ekonomi, dan politik yang ditimbulkan. Kestabilan politik negara dan perubahan kepemimpinan dalam tempoh pandemik ini memberikan cabaran kepada kesedaran mahasiswa tentang isu-isu politik semasa. Dalam kajian ini, kita akan meneliti sejauh mana mahasiswa menyedari isu-isu politik yang berkaitan dengan pilihan raya umum ke-15 dan memahami implikasi politik yang berkaitan dengan kehidupan mereka.

Kesimpulannya, kajian ini bertujuan untuk menyelidik persepsi mahasiswa terhadap pilihan raya umum dan dasar undi 18 tahun di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga akan mengkaji kesedaran mahasiswa terhadap isu-isu politik semasa. Dengan memahami pandangan dan kesedaran mereka, kita dapat menilai tahap penglibatan politik golongan muda dalam proses demokrasi negara. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang persepsi dan kesedaran

mahasiswa terhadap pilihan raya dan dasar undi 18 tahun, serta memberi sumbangan kepada perbincangan dan pembangunan sistem politik yang lebih inklusif di Malaysia.

## 2. Metodologi kajian

Metodologi kajian ini berbentuk kualitatif, dengan pendekatan teoretikal, praktikal, dan deskriptif analisis. Menurut Mohd Majid (1994), penggunaan instrumen berbentuk ini dapat membantu pengkaji memperoleh informasi berkaitan fakta-fakta, kehendak, perasaan, kepercayaan, dan lain-lain. Pelaksanaan penyelidikan kualitatif bagi kajian ini merangkumi penyelidikan kepustakaan, atau lebih dikenali sebagai kajian perpustakaan (library research), serta kajian lapangan (field research).

Pemilihan kaedah ini memerlukan pengkaji mendapatkan dan memperoleh data dari sumber perpustakaan dan lapangan. Penyelidikan kepustakaan melibatkan pengumpulan dan analisis bahan-bahan ilmiah seperti buku, artikel jurnal, dan laporan yang relevan untuk membina kerangka teori dan konteks kajian. Kajian lapangan, sebaliknya, melibatkan pengumpulan data langsung melalui teknik seperti wawancara mendalam, perbincangan kumpulan fokus, dan pemerhatian untuk mendapatkan pandangan dan pengalaman responden secara langsung. Kombinasi kedua-dua pendekatan ini bertujuan untuk memberikan gambaran menyeluruh mengenai persepsi mahasiswa terhadap dasar Undi 18 serta memahami kedalaman sokongan dan kesiapan mereka dalam proses politik negara.

### 2.1 Pemilihan sampel kajian

Tumpuan utama kajian ini adalah kepada pelajar Universiti Utara Malaysia yang mengambil subjek Perlembagaan Malaysia bagi Semester A221 di Pusat Pengajian Kerajaan. Kajian ini bertujuan menyelami pengalaman, persepsi, dan kesedaran mahasiswa tersebut dengan menggunakan kaedah kualitatif, yang memungkinkan pengkaji memahami secara mendalam perasaan dan pengalaman pelajar terhadap isu ini.

Fokus kajian ini adalah untuk:

- Meneroka persepsi mahasiswa terhadap Pilihan Raya Umum di Malaysia: Kajian akan meneliti bagaimana mahasiswa melihat dan memahami proses pilihan raya di Malaysia, termasuk faktor-faktor yang mempengaruhi pandangan mereka seperti kepercayaan terhadap sistem pilihan raya dan parti politik.
- Mengenalpasti persepsi mahasiswa terhadap dasar Undi 18: Kajian akan mengkaji sejauh mana mahasiswa menyokong atau menolak dasar ini, serta alasan di sebalik pandangan mereka. Ini termasuk menilai kesediaan dan kematangan mereka dalam membuat keputusan penting seperti memilih pemimpin negara.
- Menganalisis kesedaran golongan muda terhadap isu-isu politik menjelang Pilihan Raya Umum ke-15: Kajian ini akan menilai tahap pengetahuan dan kesedaran mahasiswa tentang isu-isu politik semasa yang relevan menjelang pilihan raya umum yang akan datang, serta sejauh mana mereka merasa terlibat dan berpengaruh dalam proses politik.

Untuk mencapai tujuan-tujuan ini, kaedah kualitatif seperti wawancara mendalam, perbincangan kumpulan fokus, dan pemerhatian akan digunakan. Teknik-teknik ini akan membolehkan pengkaji mendapatkan pandangan yang lebih terperinci dan mendalam daripada para mahasiswa, memberikan

gambaran yang komprehensif mengenai persepsi dan kesedaran mereka terhadap dasar Undi 18 dan pilihan raya umum di Malaysia.

### 3. Perbincangan

Dalam sesi Focus Group Discussion (FGD) dengan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM), terdapat kesepakatan bahawa isu-isu berkaitan integriti seperti rasuah sangat bergantung kepada individu yang terlibat. Mereka berpendapat bahawa apabila seorang pemimpin terlibat dalam perbuatan tidak berintegriti, ia memberi kesan yang signifikan bukan sahaja kepada diri individu tersebut tetapi juga kepada parti politik yang diwakilinya serta negara secara keseluruhan.

Sebagai contoh, kes-kes rasuah, pecah amanah, dan salah guna kuasa yang melibatkan pemimpin UMNO telah secara serius merosakkan reputasi dan imej UMNO dan Barisan Nasional. Insiden-insiden ini mencerminkan masalah integriti yang besar dan menjadi faktor utama dalam kekalahan Barisan Nasional buat pertama kali dalam pilihan raya umum pada tahun 2018.

Dalam konteks kajian ini, pandangan dari FGD ini menunjukkan betapa pentingnya integriti dalam kepemimpinan politik dan bagaimana isu-isu integriti dapat mempengaruhi persepsi dan kepercayaan mahasiswa terhadap proses politik dan pilihan raya di Malaysia. Isu-isu integriti menjadi pusat perhatian kerana ia mencerminkan masalah sistemik yang mempengaruhi kestabilan politik dan kepercayaan awam. Oleh itu, penelitian ini juga akan meneliti bagaimana mahasiswa memandang isu-isu integriti ini, sejauh mana ia mempengaruhi pandangan mereka terhadap pilihan raya, dan bagaimana mereka menilai langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini dalam konteks Undi 18 dan penyertaan politik golongan muda.

Dapatan analisis maklumat asas responden menunjukkan bahawa majoriti responden adalah pelajar perempuan, yang membentuk 64% daripada keseluruhan sampel. Ini mencerminkan bahawa bilangan pelajar perempuan melebihi 50% daripada jumlah pelajar di universiti ini, dan pemerhatian serupa juga didapati di institusi pengajian tinggi (IPT) lain.

Dari segi umur, kebanyakan responden adalah belia berusia antara 18 hingga 20 tahun, yang akan mengundi kali pertama. Pengalaman ini menyebabkan mereka sangat teruja untuk mengambil bahagian dalam proses pengundian, walaupun terdapat segelintir yang masih keliru dalam membuat keputusan mengenai siapa yang patut diundi.

Tambahan lagi, hampir majoriti pelajar, iaitu 83.3%, adalah daripada kaum Melayu, sementara 17% responden tinggal di Kedah. Data ini menunjukkan demografi pelajar yang akan menjadi pengundi baru, yang memberikan perspektif penting dalam memahami persepsi dan kesedaran politik golongan muda di Malaysia.

Kajian ini juga mendapati bahawa keterujaan untuk mengundi buat kali pertama adalah tinggi, namun kekeliruan yang dialami oleh sesetengah pelajar menunjukkan perlunya pendidikan politik yang lebih mendalam dan menyeluruh. Ini bagi memastikan golongan muda dapat membuat keputusan yang lebih bermaklumat dan bertanggungjawab. Kesedaran dan pemahaman yang jelas mengenai proses politik dan pilihan raya akan membantu dalam membentuk generasi pengundi yang lebih kritikal dan terlibat secara aktif dalam demokrasi negara.

Penemuan ini akan membantu untuk merangka program pendidikan politik yang lebih efektif dan menyeluruh, yang bukan sahaja memfokuskan kepada informasi asas tetapi juga melibatkan latihan

praktikal dan perbincangan kritikal mengenai isu-isu politik semasa. Dengan demikian, golongan muda akan lebih bersedia dan yakin dalam memainkan peranan mereka sebagai pengundi yang berinformasi dan bertanggungjawab.

Analisis kajian ini telah memberikan jawapan yang signifikan bagi setiap objektif yang dikaji. Bagi objektif pertama, iaitu meneroka persepsi mahasiswa terhadap Pilihan Raya Umum (PRU) di Malaysia, kajian mendapat tahap kefahaman mereka adalah sederhana. Ini berdasarkan peratusan kefahaman yang diberikan kepada aspek-aspek seperti sistem politik demokrasi, sistem politik dan pentadbiran, serta sistem pilihan raya di Malaysia, yang berada pada kadar 70%. Ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat pengetahuan asas, terdapat ruang untuk peningkatan dalam pemahaman mendalam mengenai aspek-aspek ini.

Selari dengan objektif seterusnya, untuk mengenalpasti persepsi mahasiswa terhadap dasar Undi 18, kajian mendapat bahawa tahap penerimaan dan kefahaman mereka terhadap dasar ini juga berada pada tahap sederhana. Ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat sokongan dan penerimaan terhadap dasar ini, usaha lebih lanjut diperlukan untuk memastikan mahasiswa memahami implikasi dan kepentingan dasar ini secara mendalam.

Penemuan penting lain muncul apabila kajian menganalisis kesedaran golongan muda terhadap isu-isu politik menjelang PRU-15. Di sini, peratusan kesedaran didapati lebih baik dan memberangsangkan. Majoriti golongan belia menunjukkan kesediaan untuk melakukan pembacaan dan mendapatkan maklumat terperinci mengenai calon dan kawasan di mana mereka akan mengundi. Ini menunjukkan peningkatan minat dan kesedaran politik di kalangan belia.

Sumber maklumat utama yang digunakan oleh golongan muda ini termasuk TikTok, portal berita dalam talian, dan Facebook. Ini menunjukkan bahawa platform media sosial dan berita digital memainkan peranan penting dalam penyebaran maklumat politik di kalangan belia.

Dalam membuat keputusan mengundi, pertimbangan utama mahasiswa adalah berdasarkan manifesto, calon, dan parti politik. Kriteria utama yang menjadi tumpuan mereka dalam memilih calon adalah personaliti calon dan kelayakan pendidikan calon tersebut. Bagi parti politik, mahasiswa cenderung melihat kepada manifesto dan calon yang diketengahkan oleh parti tersebut.

Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat tahap kefahaman yang sederhana mengenai sistem politik dan dasar Undi 18, kesedaran dan minat terhadap isu-isu politik sedang meningkat. Ini menunjukkan potensi positif untuk melibatkan golongan muda secara lebih aktif dalam proses politik negara, terutama melalui pendidikan politik yang lebih komprehensif dan akses kepada maklumat yang berkualiti melalui platform digital.

#### 4. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kepentingan mahasiswa dan anak muda dalam mendalami dan memahami pendidikan politik bukanlah menjadi isu baharu lagi dalam negara kita. Mahasiswa kini yang telah diberikan satu tanggungjawab dalam membentuk sesebuah negara perlulah bergiat aktif dan berpartisipasi terutamanya ketika menjelangnya musim pilihan raya yang berlaku dalam tempoh tertentu sahaja. Usaha dalam menambah baik sistem pendidikan politik dalam kalangan generasi muda dan golongan pelajar terutamanya perlu dilaksanakan dan diberikan fokus yang baik bagi memastikan generasi baharu yang bakal memimpin negara merupakan generasi celik politik dan tidak hanya membuang undi disebabkan oleh perkara-perkara yang dapat dianggap tidak munasabah.

Oleh itu, tanggungjawab membangunkan kerangka pendidikan politik yang menyeluruh tidak hanya diletakkan pada bahu mahasiswa itu sendiri, malahan perlu acuan ini perlu dibentuk oleh pihak kerajaan dan masyarakat Malaysia itu sendiri.

## 5. Penghargaan

Pasukan penyelidik kajian ini terdiri daripada pensyarah dan pembantu penyelidik dari Universiti Utara Malaysia (UUM). Penyelidik adalah daripada Pusat Pengajian Kerajaan, UUM terdiri daripada Dr Zuliana Azwa Binti Zulkifi (ketua penyelidik) dibantu oleh Encik Mokhtafizam Mokhtar dan Prof. Madya Dr. Zawiyah Mohd Zain. Manakala Pembantu Penyelidik adalah penuntut Sarjana Pengurusan Awam, Pusat Pengajian Kerajaan, Cik Nur Natasya Hasni Binti Mohd Rosle. Geran ini dibiaya oleh Geran Penjanaan Universiti, Universiti Utara Malaysia dengan peruntuk berjumlah RM10,000.

## 6. Rujukan

- Berita RTM. (2022, January 27). Undi 18 : Hampir setengah juta pelajar IPT layak mengundi. Berita RTM. <https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/nasional/33815-undi18-hampir-setengah-juta-pelajar-ipt-layak-mengundi>.
- MalaysiaKini. (2022, January 31). UNDI18: Peranan Dan tanggungjawab generasi muda. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/announcement/609111>.
- Melati Jalil, & Noel Acharim. (2017, April 22). Apathy, frustration stop malaysians from exercising right to vote. News | The Malaysian Insight. <https://www.themalaysianinsight.com/s/1946>.
- Mujibu Abd Muis, Zaliha Hj. Hussin, & Badrul Azmier Mohamed@ Bakar. (n.d.). *Perubahan Generasi dan Perkembangan Demokrasi di Malaysia Pasca Pilihan Raya Umum ke-12*.